

Pameran dan Jualan Buku Akademik IPTA 2010 Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Oleh: Anicius Adeh



Unit Penerbitan dan Perpustakaan telah mengadakan Pameran dan Jualan Buku Akademik IPTA 2010 peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 5 hingga 9 April 2010. Pameran itu yang diadakan bertempat di Ruang Legar, Bangunan Perpustakaan UMS disertai oleh beberapa penerbit IPTA dan agensi kerajaan yang bernaung di bawah MAPIM (Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia). Antara ahli MAPIM yang turut hadir menyertai pameran tersebut termasuklah Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Institut Terjemahan Negara, Malaysia. Selain itu, beberapa vendor dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri penerbitan dan pemasaran buku juga turut serta iaitu Tung Nan Book Stores Sdn. Bhd, YPJ Publication & Distributors Sdn. Bhd, Koperasi UMS Sdn. Bhd., University Book Store (M) Sdn. Bhd., Evergreen Education Services, K-Enrichment Education Sdn. Bhd., Blue-T Communications Sdn. Bhd., DMA Books Sdn. Bhd. dan Zenithway Sdn. Bhd.

Salah satu kaedah pemasaran buku yang berkesan terutamanya buku-buku yang berbentuk ilmiah adalah melalui penganjuran dan penyertaan di dalam pameran-pameran dan jualan buku. Menyedari keberkesanan kaedah ini, Unit Penerbitan dengan kerjasama Perpustakaan mula menganjurkan program pameran dan jualan buku pada tahun 2009 dan kemudiannya telah dijadikan sebagai salah satu aktiviti tahunan. Bagi tahun 2010, program tersebut dianjurkan sekali lagi bagi menyahut seruan Naib Canselor yang menekankan amalan membaca sebagai satu amalan budaya dalam agenda tonggak kecemerlangan yang dihasratkan untuk tahun 2010 ini. Selain itu, penganjuran program ini adalah untuk

mempromosi buku-buku terbitan UMS, menjalin kerjasama penerbitan dan pemasaran buku-buku ilmiah terbitan penerbit IPTA serta menggalakkan warga UMS untuk membeli buku dan seterusnya memupuk budaya membaca.

Majlis perasmian penutupannya telah disempurnakan oleh Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon, Naib Canselor UMS. Hadir sama Ketua Pustakawan UMS Dayang Rukiah Awang Amit, Ketua Unit Penerbitan Prof. Dr. Zainodin Hj. Jubok dan pegawai-pegawai kanan dan kakitangan universiti. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman dalam ucapannya berkata, industri penerbitan dan perbukuan adalah penting dan wajar dipandang serius oleh semua pihak termasuklah para pentadbir, ahli akademik dan mahasiswa kerana bidang ini mampu mencorakkan minda masyarakat. Beliau turut menegaskan bahawa dalam konteks penerbitan ilmiah di IPTA, penerbitan ilmiah yang terancang amat diperlukan manakala kemudahan perpustakaan yang canggih dan sistematik juga perlu sentiasa diwujudkan untuk menyemarakkan lagi budaya membaca di kalangan ahli-ahli akademik dan para pelajar khususnya dan di kalangan orang ramai amnya.

Tambahnya, diharapkan program seperti ini akan dapat membantu usaha-usaha promosi buku-buku terbitan Universiti Malaysia Sabah disamping meningkatkan kecekapan organisasi dalam penganjuran aktiviti-aktiviti unit serta membentuk persefahaman di kalangan penerbit IPTA di dalam gabungan MAPIM sekaligus menyumbang ke arah pemerkasaan budaya membaca di kalangan warga universiti.

